



"RAJA BERDAULAT SEJAHTERA RAKYAT". 1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكَ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مِنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita mempertingkatkan iman dan takwa kehadiran Allah SWT, dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya, mudah-mudahan Allah memberkati segala amalan kita dan memberi kejayaan didunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Mimbar Jumaat Hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk "RAJA BERDAULAT SEJAHTERA RAKYAT."</p> <p>Hadirin sidang Jumaat sekalian,</p>	6
<p>Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah SWT, kerana pada 30 Julai 2019 yang lalu, terukirlah satu lagi sejarah penting di negara kita apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah ditabalkan secara rasmi sebagai Yang di-Pertuan Agong yang keenam belas (16) bagi kerajaan Malaysia. Baginda seorang yang dikenali dengan sifatnya yang mudah didampingi, peramah dan berjiwa rakyat.</p> <p>Dalam konteks bernegara khususnya rakyat Malaysia, sudah pasti mempunyai kerajaan dan ketua negara yang menjadi payung kepada sistem yang diamalkan iaitu negara demokrasi dan Raja berperlembagaan. Maka dengan itu, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan tonggak utama kepimpinan negara yang melindungi seluruh rakyat, menjadi tunjang kedaulatan negara dan kesejahteraan rakyat seterusnya sebagai obor memancarkan sinar Islam di negara ini.</p>	7

¹ Ali Imran : 26.



<p>Selaku rakyat yang berpayung di bawah pemerintahan Baginda, kita mestilah memberikan taat dan setia yang tidak berbelah bagi kepada kepimpinan negara. Jumhur ulama dikalangan ahli sunnah wal jamaah berpendapat bahawa menjadi kewajipan fardu ain ke atas Ummat Islam mentaati Ulul Amri (pemerintah) selama pemerintah tersebut mentaati Allah SWT dan Rasul-Nya</p>	8
<p>sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 59:</p> <p>مِنْكُمْ أَلْأَمْرُ وَأُولَى الرَّسُولِ وَأَطِيعُوا اللَّهَ أَطِيعُوا ءَامَنُوا الَّذِينَ يَتَأْتِيهَا</p>	9
<p><i>"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu."</i></p>	10
<p>Ayat diatas diperjelaskan lagi dengan sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru Radhiallahu Anhuma:</p> <p>السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَهُ، مَا لَمْ يُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ</p>	11
<p><i>"Mendengar dan taat itu wajib bagi seseorang dalam apa yang ia suka atau benci, selama ia tidak diperintah berbuat maksiat, maka jika diperintah maksiat maka tidak wajib mendengar dan tidak wajib taat."</i></p> <p><i>(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).</i></p>	12
<p>Junaid al-Khutub seorang ahli Sufi bila ditanya siapakah orang pertama yang didoakannya sekiranya doanya mustajab. Beliau menjawab: "Para pemimpin, kerana sekiranya pemimpin itu baik, nescaya baiklah rakyat dan sejahteralah negara." Demikian pentingnya seorang pemimpin bagi sesebuah negara.</p> <p>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</p>	13



Sesungguhnya hubungan erat antara raja dan rakyat, atau pemimpin dengan yang dipimpin bukanlah sesuatu yang luar biasa. Malah ia merupakan amalan yang sudah sekian lama berlaku, sama ada dalam tradisi kepimpinan Islam atau dalam Kesultanan Melayu dahulu. Oleh itu budaya ini sewajarnya terus diamalkan dan dipertahankan demi memelihara agama, bangsa dan negara.	14
Hal ini berdasarkan hadis daripada Abi Musa Al-Ashari Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda: <p style="text-align: center;">الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا</p> <p style="text-align: center;"><i>"Hubungan di antara orang mukmin dengan mukmin yang lain adalah seperti sebuah binaan yang saling kuat menguat diantara satu sama lain."</i> (Riwayat Muslim).</p>	15
Usaha untuk membentuk kekuatan ummah bagi sesebuah negara bukan setakat penyokong yang ramai, semangat yang berkobar, kepetahan berpidato, tetapi yang lebih penting dan utama ialah perpaduan yang utuh dikalangan semua rakyat dan pemimpin.	16
Perpaduan dapat diertikan sebagai satu penyatuan tenaga, pemikiran, cita-cita dan pengorbanan didalam satu ikatan yang bersepadu, kuat dan kukuh. Perpaduan sangat penting dalam hidup bermasyarakat sama ada dalam kumpulan yang kecil seperti dalam keluarga atau masyarakat yang besar seperti dalam sebuah negara kerana perpaduan dan keharmonian adalah tiang seri kekuatan negara.	17
Falsafah hidup orang Melayu Islam telah lama tertanam semangat perpaduan ini, sehingga lahir ungkapan turun temurun seperti "bersatu teguh bercerai roboh" dan "bulat air kerana pemetung, bulat kata kerana muafakat". Demikian juga hubungan antara Raja dan rakyat, terdapat ungkapan "Raja dan Rakyat Berpisah tiada".	18
Untuk menjamin kesejahteraan ummah, setiap rakyat hendaklah sentiasa bersikap baik sangka, hormat menghormati sama ada melalui pertuturan atau perbuatan.	19



<p>Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru Radhiallahu Anhuma:</p> <p style="text-align: center;">المُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ</p> <p><i>"Seseorang Islam itu, ialah orang yang menyelamatkan seluruh umat Islam, daripada kejahatan lidah dan tangannya."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p> <p>Hadirin yang dirahmati Allah</p>	20
<p>Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong bertitah ketika pertabalan baginda baru-baru ini supaya semua pihak jangan sekali-kali mencetuskan api permusuhan dengan membangkitkan perkara yang boleh menggugat dan meruntuhkan keharmonian negara. Gejala fitnah yang membawa perbalahan akan menjadi bertambah buruk sekiranya tidak dibendung dan dikawal boleh membangkitkan keresahan di kalangan masyarakat dan menimbulkan perpecahan. Amalan buruk ini termasuk salah satu daripada perbuatan dosa besar yang akan mendapat ancaman seksa yang berat di hari akhirat kelak</p>	21
<p>Allah SWT berfirman dalam surah al-Qalam ayat 11-12:</p> <p style="text-align: center;">هَمَّازٍ مَّشَاءٍ بِنَمِيمٍ ﴿١١﴾ مِّنَّا لِلْخَيْرِ مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ﴿١٢﴾</p>	22
<p><i>"Yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah belahkan orang ramai), yang sering menghalangi amalan-amalan kebajikan, yang melanggar hukum-hukum agama, lagi yang amat berdosa."</i></p>	23
<p>Mimbar mengingatkan umat Islam untuk mengamalkan budaya yang sihat, berpaksikan kepada kehidupan yang harmoni dan toleransi. Kita bangun masyarakat yang gagah perkasa, berintegriti, bertamadun dan menghormati nilai perpaduan yang utuh. Ingatlah hidup di dunia ini hanya sementara. Kita akan kembali menghadap Allah apabila sampai ajal kita. Setiap detik amalan di dunia akan dipersoal di akhirat</p>	24



<p>sebagaimana hadis daripada Ibnu Umar Radhiallahu Anhuma:</p> <p style="text-align: center;">أَلَا كُتُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ</p> <p><i>"Ketahuilah setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian akan diminta pertanggungjawaban atas yang dipimpin."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	25
<p>Marilah kita bersama-sama membangunkan masyarakat yang gagah perkasa, bermaruah, berwibawa dan menghormati nilai-nilai kemanusiaan sejagat yang sejati seperti yang dikehendaki oleh agama Islam. Jauhkanlah daripada perkara yang boleh membawa kepada permusuhan dan perpecahan sesama sendiri yang amat merugikan kita. Kita perlukan negara yang aman dan harmoni serta diberkati Allah SWT</p>	26
<p>Firman-Nya dalam surah Saba' ayat 15:</p> <p style="text-align: center;">بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾</p> <p><i>"Negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun!"</i></p>	27
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Bagi mengakhiri khutbah ini, marilah kita mengambil iktibar dan saranan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib meyakini bahawa mentaati Raja atau para pemimpin yang adil itu adalah satu perintah Allah SWT yang wajib dipatuhi.2. Umat Islam hendaklah menyedari hakikat bahaya akan menimpa sekiranya berlaku perpecahan, hasad dengki, fitnah memfitnah sesama bangsa dan agama.3. Umat Islam yang memegang kuasa diingatkan supaya berlaku adil dan sentiasa melakukan kebaikan kepada mereka yang dipimpinnya.	28
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١﴾</p>	29



<p><i>“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematumhinya.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Nahl : 90).</i></p>	30
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	31
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	32



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
3	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
4	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
5	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
6	اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلَكَنا كَبَاوَه دُولِي يَغ مَهَا مُوليا سري قُدوك بَكِيندا يَغ دَقْرَتوان اَكُوغ، اَلسُّلْطَان عَبْدُ اللّٰهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللّٰهِ شَاه اِبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللّٰهِ.
7	وَكَذَلِكَ كَبَاوَه دُولِي يَغ مَهَا مُوليا سري قُدوك بَكِيندا راج قَرْمَايسوري اَكُوغ، تُونكو (Tunku) حَاجَه عَزِيْزَةُ اَمِيْنَةُ مِيْمُوْنَةُ اِسْكَندَرِيَّةُ بِنْتُ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللّٰهِ سُلْطَانِ اِسْكَندَرِ الْحَاجِ.



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>	8
<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالنَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّوْ اَمِيْر شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	10
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِمَوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	11
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	12
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	13
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	14
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	15



<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾</p>	16
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	17